

**Sekitar banjir di Pantai Timur**

# Paras air semakin surut

Metro 10/1/07.

Mangsa banjir di Kelantan dibenar pulang ke rumah, semua pusat pemindahan ditutup

**>>Oleh Isma Ismail**

**K**OTA BHARU: Keadaan banjir di Kelantan semakin reda apabila paras air di sungai utama semakin surut, menjelang petang semalam.

Malah, semua 130 mangsa yang dipindahkan akibat banjir di Kuala Krai, Pasir Mas dan Tanah Merah juga

sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing sejak pagi semalam.

Cuaca yang kembali panas dan hanya sesekali hujan renyai menyebabkan kawasan banjir kembali pulih.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK), berkata semua pusat pemindahan sudah ditutup apabila banjir

hampir pulih sepenuhnya.

"Tetapi, polis masih lagi membuat pemantauan 24 jam terhadap situasi itu kerana bimbang hujan lebat kembali melanda," katanya.

Bagaimanapun, walaupun paras air sungai dilaporkan semakin surut tetapi ia masih belum pulih sepenuhnya, terutama Sungai Golok, Rantau Panjang, yang kini men-

cecah ke paras bahaya iaitu 9 meter (m) berbanding 8.48m, kelmarin.

Jurucakap Unit Hidrologi di Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), berkata sukatan paras air di semua sungai mencatatkan penurunan kecuali Sungai Golok, sehingga kira-kira jam 6 petang.

Menurutnya, di Tangga Krai, Kuala Krai mencatat-

kan paras 21.78m berbanding kelmarin iaitu 24.72m tetapi ia masih lagi melebihi paras waspada.

Katanya, Tambatan Diraja di Kota Bharu pula surut kepada 4.52m (amaran-4m) berbanding 4.9m yang dicatatkan kelmarin.

"Tempat sukat banjir lain yang masih melebihi paras amaran adalah di Kusial iaitu

14.60m (amaran-14m) dan Jenob 21.80m (amaran-22.5m).

"Walaupun masih melebihi paras amaran, kesemua paras air sudah mencatatkan penurunan," katanya.

Menurutnya, selebihnya iaitu di Dabong, Kampung Tualang dan Sungai Semerak masing-masing tidak melebihi paras waspada.